

**PEMIKIRAN DAWAM RAHARDJO DALAM PENAFSIRAN AYAT-AYAT  
AL-QUR’AN**

Rino Riyaldi<sup>1</sup>, Muhd Najib Abd Kadir<sup>2</sup>

[rinoriyaldi@gmail.com](mailto:rinoriyaldi@gmail.com)<sup>1</sup>, [abunaseh@ukm.edu.my](mailto:abunaseh@ukm.edu.my)<sup>2</sup>

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)<sup>1,2</sup>

**ABSTRAK**

Dawam Rahardjo adalah seorang tokoh pembaharu dan pentafsir di Indonesia. Sebagai seorang pembaharu, Dawam Rahardjo berpendapat bahawa umat Islam sekarang ini berada dalam kejumudan sehingga menyebabkan kemunduran umat. Hal ini disebabkan kerana umat masih berpegang dengan ideologi lama baik dalam pemikiran mahupun dalam bidang pentafsiran al-Qur'an. Untuk membebaskan umat daripada kejumudan maka yang diperlukan adalah pemodenan ideologi. Pemodenan ideologi yang dimaksud adalah meneroka kembali dan membuka pintu ijtihad dalam agama. Tidak dinafikan bahawa Dawam Rahardjo telah banyak memberikan sumbangan terhadap pemikiran Islam dalam bidang penafsiran al-Qur'an walaupun terkadang pentafsiran dan pemikirannya mengundang kontroversi. Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan Dawam Rahardjo dan mengenalpasti beberapa pemikiran Dawam Rahardjo dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Bagi tujuan ini analisis data akan dilakukan dengan menganalisis beberapa karya beliau. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah metode kepustakaan iaitu dengan menumpukan kajian terhadap karya-karya yang ditulis Dawam Rahardjo berkenaan al-Quran. Pemerolehan data dari karya-karyanya amat diperlukan guna membantu memahami pemikirannya dalam penafsiran ayat-ayat al-Quran. Hasil kajian didapati bahawa pemikiran Dawam Rahardjo dalam manafsirkan ayat-ayat al-Qur'an bercanggah dengan pendapat majoriti ulama, dan mengandung kontroversi, seperti penafsiran beliau tentang makna Islam, kebebasan beragama, riba dan bunga bank, poligami dan kesetaraan jender.

**Kata kunci:** Pemikiran, Dawam Rahardjo, Penafsiran, Al-Qur'an.

## **1.0 PENDAHULUAN**

Islam adalah salah satu agama samawi yang diturunkan oleh Allah swt dengan kitab sucinya iaitu al-Qur'an. Al-Qur'an diturunkan untuk menyempurnakan segala kitab suci agama samawi lainnya, oleh sebab itulah al-Qur'an dijadikan Allah swt sebagai mukjizat agong untuk nabi Muhammad s.a.w, yang mana di dalamnya terdapat pelbagai hukum dan ilmu pengetahuan yang sesuai setiap zaman. Kemudian oleh sebab itu juga banyak para ulama mengkaji tentang al-Qur'an mulai dari zaman Rasulullah s.a.w, sahabat, tabi'in dan sampai sekarang, pentafsiran al-Qur'an masih selalu dikaji oleh cendikiawan muslim. Antara cendikiawan Islam yang telah menceburi bidang tafsir zaman sekarang di Nusantara adalah Dawam Rahardjo.

Dawam Rahardjo adalah salah seorang tokoh pembaharu Indonesia. Ia dikenali sebagai seorang tokoh multidimensi kerana ia adalah ahli ekonomi, usahawan, budayawan, tokoh sosial keagamaan, pemikir dan pentafsir (Saiful Amin Ghofur, 2008). Adapun pemikirannya dalam bidang tafsir telah dikenal luas oleh pemikir-pemikir Islam lainnya di Indonesia. Dawam Rahardjo juga berpengaruh terhadap pembaharuan pemikiran di Indonesia melalui pembaharuan ideologi. Dalam bidang tafsir beliau telah menghasilkan beberapa tema pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an. Kebanyakan tafsirannya bertemakan sosial, ekonomi dan budaya.

Salah satu wacana yang dikemukakan Dawam Rahardjo untuk memperkasa pemodenan Islam adalah sekularisasi. Dalam pelbagai kenyataannya, Dawam Rahardjo mengemukakan bahawa penamatkan krisis keagamaan Islam yang selama ini terlibat dapat dilakukan dengan menerapkan sekularisasi dan pluralisasi. Meskipun idea ini sangat kontroversi, menurutnya sekularisasi dan pluralisasi merupakan jalan yang paling adil untuk menyelamatkan Islam itu sendiri daripada bahaya kapitalisasi dan penggunaan yang sewenang-wenang atas nama Islam oleh kepentingan rejim atau kekuatan tertentu. Islam harus diliberalisasikan daripada pengaruh-pengaruh seperti demikian.

Pemikiran Dawam Rahardjo tentang teks keagamaan adalah seperti kebanyakan pemikiran tokoh-tokoh liberal lainnya. Agama menurutnya harus ditafsir

secara terus menerus sesuai dengan keadaan semasa, supaya pemikiran keagamaan tidak mati. Jika seorang pemikir tidak sanggup melahirkan kontekstualiti gagasan untuk agamanya, serta ulama tidak sanggup bertanggung jawab atas agamanya, di situlah akan bermulanya kematian agama. Semua harus berani mempertahankan kebebasan pada saat kebebasan benar-benar terancam.

Pemikiran Dawam Rahardjo dalam memahami teks agama atau al-Qur'an lebih banyak bertumpu kepada penggunaan akal dan berfikir bebas. Dawam adalah seorang yang selalu bangga jika disebut sebagai *intelektual liberal*. Ia selalu menekankan bahawa "pencerahan pemikiran" hanya dapat dicapai dengan keberanian berfikir bebas. Terkait dengan hal ini, Dawam Rahardjo selalu memahami al-Qur'an secara kontekstual. Bahkan tidak jarang, seakan-akan pemahaman atau penafsiran beliau terhadap *kitabullah* dinilai sudah sangat berani melewati batas-batas yang menurut sebahagian ulama bukan sebagai objek ijтиhad. Dalam hal ini, misalnya ayat riba. Ayat-ayat riba dalam al-Qur'an sudah jelas dan terang ayat tersebut *qat'i dilalah* nya. Sehingga tidak layak untuk berijtihad lagi. Namun ayat tersebut menurut Dawam masih dapat menimbulkan pentafsiran yang baru (Ali Musyaffa', 2005).

Penafsiran al-Qur'an yang dilakukan oleh Dawam Rahardjo mencakupi pelbagai macam hal, antaranya soal akidah, sosial, hukum, ekonomi, toleransi antar umat beragama dan lainnya. Dawam Rahardjo menggiring pemahaman umat kepada sebuah pemahaman yang baharu, yang berbeza dengan pandangan masyarakat awam selama ini. Akibatnya beberapa bentuk penafsiran Dawam Rahardjo terhadap ayat-ayat al-Qur'an menimbulkan pelbagai kontroversi pemikiran di Indonesia.

## **2.0 BIOGRAFI DAWAM RAHARDJO**

Nama Dawam Rahardjo tidak asing lagi dalam khazanah intelektual Islam Indonesia. Dawam Rahardjo dikenali sebagai pemikir Islam progresif yang selalu memperhatikan masalah-masalah sosial keagamaan dan pembinaaan masyarakat, khususnya dalam bidang ekonomi. Ia merupakan cendekiawan muslim yang selalu bersikap kritis terhadap fenomena dan perubahan sosial yang terjadi di masyarakat apabila berbeza dengan kerangka pemikiran yang dianutnya (Ngainun Naim, 2012).

Nama penuh Dawam Rahardjo ialah Mohammad Dawam Rahardjo, lahir pada 20 April 1942 di kampung Belawarti, Bandar Solo, Jawa Tengah (Ihsan Ali-Fauzi et al., 2012).

Pendidikan awal Dawam Rahardjo lebih banyak bersinggung dengan pendidikan agama. Pada masa ini dia banyak mendapatkan dasar-dasar pemahaman mengenai Islam. Hal ini berangkat dari sokongan keluarganya. Ayahnya adalah orang yang pertama menanamkan kecintaanya terhadap al-Qur'an. Menurut Dawam Rahardjo (1996) ayahnya adalah seorang mufasir.

Dawam Rahardjo memiliki minat yang kuat terhadap al-Qur'an dan tafsir. Ia gemar mempelajari pelbagai kitab-kitab tafsir mahupun buku-buku yang berkaitan dengan al-Qur'an. Sejak remaja ia sudah mulai membaca beberapa kitab tafsir antaranya Tafsir Al-Azhar karya Buya Hamka dan The Holy Quran karya Maulana Muhammad Ali, yang diterjemahkan oleh Moch Bahrun dengan judul Quran Suci.

Dawam Rahardjo ketika kanak-kanak mendapatkan pendidikan formal bidang agama daripada madrasah. Mula-mula ia masuk tadika Bustanul Athfal Muhammadiyah, di Kauman. Kemudian setelah itu ia melanjutkan pendidikan ke Madrasah Ibtidaiyah Muhammadiyah di Masjid Besar Solo. Setiap hari Dawam Rahardjo mengikuti dua sekolah sekaligus. Pendidikan akademik ia dapat ketika bersekolah di Sekolah Rakyat (SD Negeri) Loji Wetan di pagi hari. Adapun pendidikan diniyah ia dapatkan di Madrasah Diniah Al-Islam, yang mana ia belajar di madrasah tersebut pada sebelah petang. Di madrasah tersebut ia mendapatkan dasar-dasar pendidikan agama seperti bahasa Arab, fekah, tafsir dan hadith (Ihsan Ali-Fauzi et al., 2012). Setelah menamatkan pelajaran di sekolah rendah, ia kemudian melanjutkan pendidikan ke peringkat selanjutnya iaitu Sekolah Menengah Pertama (SMP) 1 Solo yang mana sekolah tersebut dianggap sebagai sekolah elit peringkat menengah ketika itu.

Setelah menamatkan pelajaran di sekolah menengah pertama pada tahun 1957, Dawam Rahardjo kemudian melanjutkan pelajarannya ke sekolah menengah atas di Sekolah Menengah Atas (SMA) Manahan, Solo. Pada peringkat ini ia tidak

dapat melanjutkan sekolah diniyah lagi, hal ini kerana masa persekolahan dimulai pada pukul 12.00 tengah hari. Sedangkan sekolah diniyah jadualnya adalah pada petang hari.

Setelah menamatkan pembelajaran di sekolah menengah atas pada tahun 1961, kemudian ia melanjutkan pendidikan sarjana muda ke Universiti Gajah Mada (UGM) Jogjakarta dengan mengambil jurusan ekonomi.

Sebelum menuntut ilmu di UGM, Dawam Rahardjo pernah sempat merasakan belajar di Idaho, Amerika Serikat selama satu tahun dengan mengikuti program *American Field Service* (AFS) (Dawam Rahardjo, 2010). Di Idaho, Amerika Serikat, Dawam Rahardjo belajar di Borah High School. Di Amerika Serikat inilah ia mulai mengenal pluralisme. Ia belajar tentang agama Kristian, bahkan ia pada setiap hari Ahad pergi ke gereja. Ia ikut dalam kumpulan penyanyi gereja dan kumpulan *Sunday Morning Class* yang mengajarkan Bible di *First Presbyterian Church*(Ihsan Ali-Fauzi et al., 2012).

Sepulangnya dari Amerika Serikat barulah ia melanjutkan pendidikan sarjana muda di Fakulti Ekonomi Universitas Gadjah Mada Jogjakarta pada tahun 1961. Kalau Solo merupakan tempat dimana dia mendapatkan dasar-dasar pemahaman mengenai Islam, maka di Jogjakarta minatnya terhadap pemikiran keislamannya berkembang. Setidak-tidaknya ada tiga hal penting yang perlu disebut berkenaan perkembangan pemikirannya tentang keislaman (Dawam Raharjo, 1999).

Pertama, adalah situasi sosial keagamaan dan politik Indonesia. Berbanding dengan tempoh-tempoh sebelumnya, Indonesia pada dekad 1960-an masih disibukkan dengan percanggahan ideologi dan politik antara Islam dan Negara. Situasi demikian muncul antara lain disebabkan idealisma dan aktivisma para pemikir dan pengamal politik Islam generasi pertama lebih condong kaku dalam pemikiran. Kecenderungan itulah yang mendatangkan kesan-kesan sosial politik yang tidak menguntungkan komuniti Islam.

Hal ini lah yang kemudian menimbulkan pemikiran dan pergerakan yang baru. Pergerakan ini dipelopori oleh generasi muda untuk menemukan sintesa yang memungkinkan dalam soal hubungan antara Islam dan politik negara. Dalam kerangka itulah mereka perlu melakukan kajian ulang atas posisi agama Islam dalam kehidupan sosial dan politik sehari-hari masyarakat, khususnya berkaitan dengan aspek teologi.

Kedua, penglibatan Dawam Rahardjo dalam organisasi pelapis Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) Jogjakarta. Sebagai organisasi pelapis mahasiswa Islam yang berpengaruh pada waktu itu, HMI tidak kebal terhadap pengaruh-pengaruh pergolakan politik. Sebaliknya, beberapa aktivis justeru memainkan peranan penting dalam memberikan tindak balas terhadap situasi sosial-politik Indonesia. Hal ini tampak dalam wacana yang dibangunkan oleh tokohnya, baik yang ada di Jogjakarta maupun di Jakarta yang berusaha untuk mengaitkan Islam dengan persoalan-persoalan sehari-hari masyarakat yang bersifat empirik.

Ketiga, aktiviti Dawam Rahardjo dalam sebuah kumpulan perbincangan bernama Limited Group yang dipimpin oleh Mukti Ali. Kumpulan ini dihadiri secara rutin oleh Dawam Rahardjo dan rakan-rakannya. Dalam kumpulan ini Dawam Rahardjo dan rakan-rakannya membincangkan masalah-masalah keagamaan, sosial, politik, ekonomi dan sebagainya secara terbuka tanpa merasa takut untuk dicap telah keluar daripada kaedah-kaedah agama dan teologi yang lazim.

Ketiga faktor di atas mempunyai pengaruh yang sangat besar terhadap corak pemikiran keislaman Dawam Rahardjo. Dilihat dari aspek pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh, baik melalui tahap pendidikan formal maupun melalui aktiviti berorganisasi dan kumpulan perbincangan, Dawam Rahardjo dihadapkan secara langsung pada situasi sosial politik yang cenderung tidak menguntungkan umat Islam di Indonesia. Termasuk dalam hal ini persoalan sosial ekonomi yang dihadapi umat Islam seperti ketertinggalan dan kemiskinan yang melanda majoriti umat Islam Indonesia.

Dalam terori pemikiran keislaman yang berkembang di antara pemikir-pemikir Islam. Dawam Rahardjo (2010) amat terkesan teori *reconstruc* yang ditawarkan oleh pemikir-pemikir Islam seperti Fazlur Rahman, Hassan Hanafi dan Abed al-Jabiri. Hal ini menurutnya teori tersebut lebih tepat dan memberikan jalan untuk umat Islam dalam melakukan perubahan dan pemodenan menuju keadaan yang lebih baik dari segi pemikiran.

### **3.0 PANDANGAN DAWAM RAHARDJO TENTANG AL-QUR’AN**

Sebagaimana umumnya pengkaji al-Qur'an, Dawam Rahardjo tak luput menjelaskan apa itu al-Qur'an dalam pandangannya. Secara ontologi (hakikat) al-Qur'an menurut Dawam Rahardjo (1996) ialah kitab wahyu yang diturunkan langsung dari Allah yang disampaikan dengan bahasa yang terang dan mudah difahami. Pengertian ini selaridengan firman Allah s.w.t dalam surah al-Dukhan ayat 58:

فَإِنَّمَا يَسِّرَّنَا لِعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

Maksudnya:

Maka sesungguhnya tujuan Kami memudahkan Al-Quran dengan bahasamu (wahai Muhammad), ialah supaya mereka (yang memahaminya) beringat dan insaf (untuk beriman dan mematuhi).

Oleh itu, menurut Dawam Rahardjo, al-Qur'an adalah kitab yang diperuntukkan bagi semua kalangan, tanpa memandang tahap kemampuan berfikir. Semua orang dengan tahap kemampuan berfikir yang berbeza boleh memahami al-Qur'an dengan tingkatan yang berbeza pula.

### **4.0 PANDANGAN DAWAM RAHARDJO TENTANG TAFSIR**

Pandangan tentang tafsir, Dawam Rahardjo tidak membincangkannya secara khusus atau spesifik. Namun di beberapa perbincangan dalam bukunya tersirat makna kepada hal tersebut (Dawam Rahardjo, 1996). Untuk membicarakan tafsir menurut pandangan Dawam Rahardjo, di sini digunakan pengkategorian tafsir sebagaimana kategori tafsir yang dilakukan Abdul Mustaqim (2008), iaitu tafsir sebagai produk dan tafsir sebagai proses. Dawam Rahardjo dalam beberapa kesempatan kelihatan serius

membicarakan aspek ini, terutama tafsir sebagai proses. Namun begitu, perbincangan Dawam Rahardjo mengenai tafsir akan bermula dengan tafsir sebagai produk.

Dawam Rahardjo menyamakan tafsir dengan pemahaman. Baginya, tafsir adalah sebuah pemahaman. Secara tersirat Dawam Rahardjo (1996) mengertikan tafsir sebagai cara untuk memahami ayat al-Qur'an secara mendalam dengan melakukan analisa. Pengkajian yang dilakukan harus menggunakan metode tertentu, misalnya menjelaskan ayat al-Qur'an berdasarkan ayat al-Qur'an itu sendiri, atau lebih masyhur dikenali sebagai tafsir *al-Qur'an bi al-Qur'an*.

Selain itu, tafsir sebagai produk bagi Dawam Rahardjo mengandung kebenaran yang temporal atau relatif. Pada istilah ini maksudnya ialah pemahaman orang terhadap maksud al-Qur'an akan sentiasa berubah mengikut perkembangan masa dan zaman. Beliau memberi contoh, dalam al-Qur'an larangan mencuri dan membunuh umpamanya akan berlaku terus sepanjang sejarah manusia. Hanya sahaja, tafsiran orang mengenai keadilan dalam menghukum kejahatan tersebut boleh berkembang dari semasa ke semasa. Jelas Dawam Rahardjo, apa yang ditafsirkan oleh *mufassir* kontemporari mengenai satu istilah tertentu seperti yang dilakukan oleh Fazlur Rahman, al-Mawdudi, atau Muhammad Asad tentu saja berbeza dengan apa yang dituliskan oleh al-Suyuti dan al-Tabari di masa lampau.

Kebenaran tafsir yang temporal tersebut menjadikan tafsiran baru atas al-Qur'an adalah perkara yang mustahak. Ini membawa Dawam Rahardjo untuk membicarakan tafsir sebagai proses. Dalam membicarakan tafsir sebagai proses, perhatian Dawam Rahardjo boleh ditujukan kepada dua perkara, tafsir sebagai usaha pembaharuan dan kaedah tafsir. Menurut Dawam Rahardjo, umat Islam akan terus mencipta masa depannya dengan al-Qur'an. Baginya, tokoh yang memegang watak diri sebagai pembaharu cenderung melahirkan tafsirnya sendiri, walaupun tidak benar juga untuk mengatakan semua pentafsir itu adalah pembaharu. Ia kemudian mengemukakan beberapa contoh, seperti Muhammad Abduh, Bashir al-Din Mahmud Ahmad dan Mawana Muhammad Ali dari kalangan Ahmadiyah, dan Tabataba'i dari Syi'ah. Tafsiran ini kemudian akan secara terus menerus membentuk masa depan umat Islam.

Ketika membicarakan syarat-syarat mentafsirkan al-Qur'an, Dawam Rahardjo sangat tidak sependapat dengan ulama tafsir yang menghalang pemikir Muslim untuk mentafsirkan al-Qur'an. Bentuk halangan tersebut adalah menetapkan sejumlah syarat utama untuk menjadi seorang *mufasir*, yang mana syarat tersebut menurutnya sangat sukar untuk dipenuhi.

Mengenai kriteria orang yang berhak dalam mentafsirkan al-Qur'an. Menurut Dawam Rahardjo (1996), setiap muslim berhak untuk mentafsirkan al-Qur'an yang sesuai dengan keadaan semasa dan ia tidak terikat oleh syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama-ulama terdahulu. Lanjutnya lagi, semua orang dapat memahami dan mentafsirkan berdasarkan kemampuan yang ia miliki, sebab salah satu keistimewaan al-Qur'an adalah ayat-ayatnya mudah difahami oleh manusia dari pelbagai peringkat tahap kefahaman. Makna yang lebih mendalam daripada al-Qur'an boleh didapatkan oleh orang yang memiliki tingkat berfikir lebih cerdas. Pada sisi lain pula terdapat banyak cara untuk membaca dan memahami al-Qur'an bagi mereka yang tidak menguasai bahasa Arab. Hal ini dapat dilakukan dengan cara memahami terjemahan al-Qur'an. Terjemahan adalah bahagian dari metode memahami al-Qur'an. Namun hal ini bertentangan dengan kaedah pentafsiran yang telah ditetapkan.

Menurut ulama tafsir, seorang pentafsir hanya boleh mentafsirkan al-Qur'an apabila telah memenuhi syarat-syarat penafsiran. Misalnya seperti syarat-syarat yang diajukan oleh Manna<sup>c</sup> al-Qattan (2007) bahawa ada sembilan syarat yang harus dipenuhi seorang *mufassir*, iaitu: akidah yang benar, bersih dari hawa nafsu, terlebih dahulu menafsirkan al-Qur'an dengan al-Qur'an, mencari penafsiran dari al-Sunnah, mencari pendapat sahabat jika tidak ditemukan dalam sunnah, mencari pendapat ulama jika tidak ditemukan dari sunnah dan sahabat, mengetahui bahasa Arab dengan segala cabangnya, mengetahuhi pokok-pokok ilmu yang berkaitan dengan al-Qur'an dan memiliki pemahaman yang cermat dalam mentafsirkan al-Qur'an.

## 5.0 PENAFSIRAN AYAT-AYAT AL-QUR’AN DAWAM RAHARDJO

### Makna Islam

Pada pandangannya tentang Islam, menurut Dawam Rahardjo (1993,1996) agama Islam tidak terbatas dengan apa yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW sahaja. Tetapi juga pada setiap agama lain. Hal ini kerana ia berpendapat bahawa Islam adalah agama yang mempunyai sikap pasrah kepada Tuhan. Maka sebagai kesimpulannya setiap agama yang mengajarkan sikap pasrah kepada Tuhan disebut juga sebagai Islam. Dawam Rahardjo menggiring pemahaman ini dengan mentafsirkan beberapa ayat al-Qur'an berkenaan dengan kata Islam, seperti dalam surah Ali Imran ayat 19:

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ إِلَيْسُمْ وَمَا أُخْتَلَفَ الْذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَعْدَمَا  
بَيَّنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرُ بِأَيْتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksudnya:

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredayai) di sisi Allah ialah Islam dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya.

Menurut Dawam Rahardjo (1996), maksud Islam pada ayat di atas tidak hanya diertikan sebagai agama “Islam” seperti yang telah umum dikenal, iaitu agama yang dibawa oleh nabi Muhammad s.a.w. Tetapi dapat diertikan sebagai sikap pasrah kepada Tuhan. Tidak aneh lagi di dalam tafsirannya Dawam Rahardjo menterjemahkan ayat di atas dengan terjemahan: “*Sesungguhnya agama bagi Allah ialah sikap pasrah kepadaNya*”. Berangkat dari sini lah Dawam Rahardjo mengatakan bahawa setiap agama yang mempunyai sikap yang pasrah kepada Tuhan adalah agama yang benar dan dapat disebut sebagai Islam. Hal ini kerana asas daripada Islam adalah sikap pasrah dan menyerahkan diri sepenuhnya kepada Tuhan. Hal ini menurutnya selari dengan firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 125:

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مَّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَأَنَبَعَ مَلَةً إِبْرَاهِيمَ حَذِيفَةَ  
وَأَنَّا خَدَ اللَّهَ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلَ

Maksudnya:

Dan tidak ada yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang dia berusaha mengerjakan kebaikan dan ia pula mengikut agama Nabi Ibrahim yang lurus (yang tetap di atas dasar tauhid); dan (kerana itulah) Allah menjadikan Nabi Ibrahim kesayanganNya.

Dan firman Allah dalam surah Luqman ayat 22:

وَمَنْ يُسْلِمَ وَجْهَهُ إِلَى اللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدْ أَسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ وَإِلَى اللَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

Maksudnya:

Dan sesiapa yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah (dengan ikhlas) sedang dia berusaha mengerjakan kebaikan, maka sesungguhnya dia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh dan (ingatlah) kepada Allah jualah kesudahan segala urusan.

## Kebebasan Beragama

Menurut Dawam Rahardjo (2005) liberalisme, pluralisme dan sekularisme agama yang lahir daripada tradisi Kristian tidaklah bertentangan dengan ajaran agama Islam. Setiap individu dalam memeluk dan menjalankan agama mesti bebas daripada autoriti keagamaan. Hal ini menurut beliau selari dengan ajaran Islam iaitu *la rahbaniyyah fi al islam* (tidak ada autoriti dalam Islam). Beliau berpendapat apabila ada autoriti dalam agama maka akan mengakibatkan kurangnya kebebasan beragama dalam menjalankan ibadah menurut keyakinan individu. Dalam menyokong pendapatnya, dia mengutip firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah ayat 256:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشُدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرُ بِالْطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنُ بِاللَّهِ فَقَدْ أَسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا أَنْفِصَامَ لَهُ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْهِ

Maksudnya:

Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. Karena itu barang siapa yang ingkar kepada Thaghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada bukul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Menurut Dawam Rahardjo, ayat di atas adalah dalil kebebasan beragama. Dia menafsirkan *la ikraha fi al-din* dengan maksud tiada paksaan dalam beragama (agama Islam), yang mana ini adalah sebuah prinsip yang sangat penting dalam sekularisme. Hal itu harus difahami makna dan akibatnya oleh setiap individu. Kebebasan beragama harus dijamin oleh setiap negara di dunia ini. Menurutnya, setiap negara tidak boleh masuk campur dalam urusan akidah, ibadah dan syariat pemeluknya. Negara juga harus memberikan kesedaran kepada setiap warga negara akan hak-hak asasi, baik dalam berpendapat, berkeyakinan, dan beragama. Kebebasan menurutnya juga tidak boleh memaksakan syariat terhadap pemeluknya.

Kebebasan agama menurut Dawam Rahardjo (2005) adalah kebebasan memilih agama atau menentukan agama yang hendak dianut, berpindah dari satu agama tertentu ke agama yang lain menurutnya adalah termasuk kebebasan beragama (Bahrul Haq Al-Amin, 2009). Berpindah agama menurutnya tidaklah kafir, istilah kafir bukan disebabkan memeluk agama lain namun disebabkan kerana menentang perintah Tuhan (Budi Handrianto, 2007).

## Riba dan Bunga Bank

Ketika membahas riba dan bunga bank, Dawam Rahardjo membincangkan riba dalam sejarah manusia dan perdebatan antara bunga bank dan riba. Dawam Rahardjo menafsirkan ayat tentang pengharaman riba iaitu pada surah Al Imran ayat 130 yang berbunyi:

يَأَيُّهَا الْذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أُرْبَابَ أَصْنَعَفَ □ ا مُضْعَفَةً □ وَأَنْفُوا اللَّهُ لِعَلَمٍ نَفْلُحُونَ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah supaya kamu berjaya.

Dawam Rahardjo (1989) membahagikan riba (tambahan pada hutang) kepada 2 jenis. Pertama riba yang berlipat ganda dan yang kedua riba atau tambahan yang sewajarnya. Riba yang diharamkan ialah riba yang bersifat *ad'afan muda'afah* iaitu riba yang berlipat ganda. Hal ini kerana di sini terdapat kezaliman dengan memakan harta dengan jalan batil. Sedangkan yang kedua adalah halal,dalam hal ini adalah bunga bank. Menurutnya bank adalah institusi yang dibenarkan dalam Islam. Institusi bank ini melaksanakan jual beli dan perniagaan yang dapat menghapus riba yang bersifat *ad'afan muda'afah*. Di samping itu bank merupakan suatu lembaga yang menyediakan unsur kesukarelaan. Unsur kesukarelaan ini pula yang membezakan sama ada suatu perniagaan itu membawa kepada riba yang haram atau tidak (Dawam Rahardjo, 1999).

Dalam urusan perniagaan dengan bank terdapat terma dan syarat yang telah dipersetujui antara bank dan pelanggan. Perjanjian ini telah menghapus sifat keterpaksaan dan pemaksaan. Jika yang melakukan perjanjian itu telah bersetuju dengan sistem bunga, kadar faedah, sifat dan cara pembayarannya, maka bunga yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak itu menurut Dawam Rahardjo tidak boleh lagi disebut riba yang haram. Unsur kesukarelaan dalam perniagaan menurut Dawam telah dijelaskan dalam firman Allah s.w.t surah al-Nisa' ayat 29:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أُمُوْلَكُمْ بِإِنْتَطِيلٍ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ □ مِنْكُمْ  
وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمٌ □

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.

## Poligami

Dawam Rahardjo adalah orang yang menolak dan mengharamkan poligami. Dia menolak poligami dengan melihat kontekstual ayat poligami pada zaman dahulu dengan sekarang. Dalil keharusan poligami terdapat dalam surah an-Nisa' ayat 3:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَا تُقْسِطُوا فِي الْيَمِّيْمِ فَأَنْكِحُوهُمَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَتَّى وَتُلِّثَ وَرَبِيعٌ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَا تَعْدِلُوْا فَوَحِدَةً أَوْ مَا مَلَكْتُمْ ذَلِكَ أَدْتَى أَلَا تَعْوِلُوْا

Maksudnya:

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah (dengan) perempuan-perempuan lain yang kamu berkenan, dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau memadailah dengan hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

Menurut Dawam Rahardjo (2012) syarat poligami dalam firman Allah iaitu keadilan adalah suatu perkara yang amat sukar untuk diamalkan. Kebanyakan pengamal poligami tidak memperhatikan syarat ini, adil yang dimaksudkan adalah adil kepada isteri baik dari segi nafkah zahir maupun adil secara batin.

Keadilan dalam berpoligami adalah suatu yang amat sukar untuk diamalkan. Bahkan menurutnya, poligami nabi Muhammad s.a.w bukanlah suatu tauladan dan sunnah, hal ini kerana nabi s.a.w pun merasakan sukarnya mengamalkan prinsip keadilan ini, sehingga menimbulkan banyak kesusahan dalam rumah tangganya. Justeru, kerana itu pulalah nabi s.a.w menolak menantunya Ali bin Abu Talib r.a memadukan anaknya Fatimah r.h.a.

Penolakan Dawam Rahardjo terhadap amalan poligami juga dengan melihat realiti di masyarakat. Kebanyakan pengamal poligami mengabaikan tujuan poligami iaitu untuk melindungi anak yatim dan ibu tunggal. Pada realitinya, banyak amalan poligami di kalangan umat Islam dewasa ini dilakukan dengan perempuan-perempuan cantik, muda dan kaya. Dawam Rahardjo menolak poligami juga kerana amalan ini menimbulkan pelanggaran atas hak-hak perempuan dan anak-anak. Selain itu amalan

poligami adalah cerminan budaya kuno yang menghambat umat Islam mencapai kemajuan, baik dari segi ekonomi maupun kemanusiaan.

### **Kesetaraan Jender**

Isu permasalahan kesetaraan jender yang dibangkitkan Dawam Rahardjo (2012) dalam pemikirannya adalah berkenaan hukum harta pusaka. Dalam al-Qur'an telah ditetapkan bahawa hukum pembahagian harta pusaka seorang anak perempuan mendapatkan setengah bahagian berbanding lelaki. Dalam hal ini hukum tersebut terdapat dalam firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 11:

يُوصِّيْكُمُ اللَّهُ فِيْ أَوْلَادِكُمْ لِلَّذِكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ

Maksudnya:

Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan.

Dalam ayat ini terdapat penjelasan bahawa bahagian harta pusaka seorang anak lelaki adalah menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Di sini bererti bahagian anak perempuan adalah setengah berbanding bahagian anak lelaki. Ulama bersepakat bahawa apa yang ditetapkan Allah pada ayat tersebut secara harfiyah tidak boleh dibantah lagi. Ketika al-Qur'an menetapkan aturan apalagi dengan menyebut jumlah angka, maka ia tak boleh diambil pengertian lain. Angka itu tak boleh diubah dengan dinaikkan atau diturunkan.

Namun Dawam Rahardjo (2012) mencuba untuk memperbaharui makna hukum pusaka dalam Islam itu. Menurutnya, hukum pusaka tak boleh dilihat daripada angka-angka yang ditetapkan, melainkan dari semangat keadilan yang tersimpan di balik angka tersebut. Dengan demikian, bagi Dawam Rahardjo tidak mengapa membahagikan samarata harta pusaka antara anak lelaki dan perempuan, kerana prinsip keadilan adalah yang lebih utama. Pada masa ini apabila masih berpegang kepada konsep pembahagian pusaka secara tekstual maka hal ini akan bertentangan

dengan prinsip kesetaraan jender. Prinsip keadilan yang dicita-citakan antara hak perempuan dan lelaki tidak akan wujud.

Pembahagian pusaka dengan berpegang pada tekstual ayat, dapat dikatakan adil hanya pada zaman Nabi s.a.w (Abdul Moqsith Ghazali, 2012). Namun sekarang prinsip keadilan harus disesuaikan dengan konteks semasa dan tempat. Dalam tradisi masyarakat Arab dari dulu hingga sekarang, perempuan tak dibebankan mencari nafkah. Namun kini, pada zaman di mana yang mencari nafkah tak hanya lelaki melainkan juga perempuan, maka keperluan untuk mengubah struktur dan formula angka-angka dalam pembahagian pusaka itu adalah sebuah kenescayaan (Dawam Rahardjo, 2012).

Isu yang dibangkitkan Dawam Rahardjo sama dengan apa yang pernah dibangkitkan oleh beberapa pemikir liberal, antaranya adalah Nasr Hamid Abu Zaid. Menurut Nasr Hamid (2009), ayat pembahagian harta pusaka mengandungi prinsip keadilan. Keadilan bukan dilihat daripada jumlah bahagiannya, namun memberikan hak harta pusaka kepada perempuan. Di mana perempuan pada zaman jahiliyah tidak mendapatkan harta pusaka. Maka dengan adanya ayat ini ianya telah membawa perubahan dalam hukum masyarakat, iaitu perempuan memiliki hak bahagian dalam harta pusaka. Selain itu apabila difahami secara mendalam, ayat pembahagian harta pusaka bukan sahaja memberikan hak kepada perempuan tetapi juga adalah membatasi hak lelaki. Hal ini adalah satu langkah ke arah yang benar. Perempuan harus mendapatkan bahagian yang sama di dalam pembahagian harta pusaka sebagaimana bahagian lelaki.

## **6.0 KESIMPULAN**

Al-Qur'an secara ontologi bagi Dawam Raharjo ialah kitab wahyu yang diturunkan langsung dari Allah, mengandung bahasa yang terang dan mudah difahami. Sedangkan tafsir baginya adalah sebuah produk. Ia mendefinisikan tafsir sebagai pemahaman, iaitu cara untuk memahami ayat al-Qur'an secara mendalam dengan melakukan analisis. Selain itu, tafsir sebagai produk bagi Dawam Rahardjo mengandung kebenaran yang temporal atau relatif. Pada istilah ini maksudnya ialah pemahaman

orang terhadap maksud al-Qur'an akan sentiasa berubah mengikut perkembangan masa dan zaman.

Mengenai kriteria atau syarat orang yang berhak dalam menafsirkan al-Qur'an. Menurut Dawam Rahardjo, setiap muslim berhak untuk mentafsirkan al-Qur'an yang sesuai dengan keadaan semasa dan ia tidak terikat oleh syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama-ulama terdahulu. Semua orang dapat memahami dan mentafsirkan berdasarkan kemampuan yang ia miliki, sebab salah satu keistimewaan al-Qur'an adalah ayat-ayatnya dapat difahami oleh manusia dari pelbagai peringkat tahap kefahaman. Makna yang lebih mendalam daripada al-Qur'an boleh didapatkan oleh orang yang memiliki tingkat berfikir lebih cerdas.

Dalam penafsiran ayat-ayat al-Qur'an Dawam Rahardjo lebih menggunakan akal dan pendapatnya. Secara umumnya penafsiran beliau bercanggah dengan penafsiran majoriti ulama. Penafsiran beliau lakukan dengan melihat kenyataan empirikal yang berlaku di masyarakat.

## **RUJUKAN**

- al-Qur'an.
- Abdullah Basmeih. 2002. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Malaysia: Dar al-Kitab.
- Abdul Mustaqim. 2008. *Pergeseran Epistemologi Tafsir*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Ali Musyaffa'. 2005. *Pandangan Dawam Rahardjo Tentang Bunga Bank*. Disertasi. Malang: IAIN Walisongo.
- Al-Qattan, Manna<sup>c</sup> Khalil. 2007. *Studi Ilmu-ilmu al-Qur'an*. Terj. Mudzakir AS. Jakarta: Litera Antar Nusa.
- Bahrul Haq Al-Amin .2009. *Kebebasan Beragama di Indonesia dalam Perspektif M. Dawam Rahardjo*. Disertasi. Jakarta: UIN Syarif Hidayatullah.
- Budi Hardianto. 2007. *50 Tokoh Islam Liberal Indonesia: Pengusung Ide Sekularisme, Pluralisme dan Liberalisme Agama*. Jakarta: Huffajah Press.
- Dawam Rahardjo. 1989. *Perspektif Deklarasi Mekah menuju Ekonomi Islam*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Dawam Rahardjo. 1996. *Ensiklopedi al-Qur'an Tafsir Sosial Berdasarkan Konsep-konsep Kunci*. Jakarta: Paramadina.
- Dawam Rahardjo. 1999. Islam dan Transformasi Sosial Ekonomi. Asep Gunawan & M. Deden Ridwan (pnyt.). Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Dawam Rahardjo. 1993. *Intelektual Inteligensi dan Perilaku Politik Bangsa; Risalah Cendekiawan Muslim*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Dawam Rahardjo. 2010. Pembaruan Pemikiran Islam: Sebuah Catatan Peribadi. Dlm. Saidiman Ahmad, Husni Mubarak & Testriono (pnyt.). *Pembaharuan Tanpa Apologia? Esai-esai tentang Ahmad Wahib*. Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina
- Dawam Rahardjo. 2005. Mendambakan UU Kebebasan Beragama. *Media Indonesia*, 22 November 2005.
- Dawam Rahardjo. 2006. Mengapa Semua Agama itu Benar?. *Tempo*, 1 Januari 2006.
- Dawam Rahardjo. 2012. Krisis Peradaban Islam. Dlm. Ihsan Ali-Fauzi, Syafiq Hasyim & J.H. Lamardy. (pnyt.). *Demi Toleransi Demi Pluralisme*. Jakarta: Yayasan Abad Demokrasi.
- Ihsan Ali-Fauzi, Syafiq Hasyim & J.H. Lamardy (ed). 2012. *Demi Toleransi Demi Pluralisme*. Jakarta: Yayasan Abad Demokrasi.

Nasr Hamid Abu Zaid. 2009. *Suara Orang Buangan : Renungan-renungan tentang Islam*. Terj. Ammar Gazali & Al-Mustaqqem Mahmud Radhi. Petaling Jaya: Middle-Estern Graduates Centre.

NgainunNaim. 2012. *PluralismesebagaiJalanPencerahan Islam: TelaahPemikiran M. DawamRahardjo*. Jurnal Salam (StudiMasyarakat Islam). Vol 15 No: 2 Desember 2012.

Saiful Amin Ghofur. 2008. *Profil Para Mufasir al-Qur'an*. Yogyakarta: Pustaka Insan Madani

Syafiq Hasyim. 2012. Mas Dawam dalam Tiga Babak: Keyakinan Penuh Akan Modernisme Islam. Dlm. Ihsan Ali-Fauzi, Syafiq Hasyim & J.H. Lamardy (ed.). *Demi Toleransi Demi Pluralisme*. Jakarta:Yayasan Abad Demokrasi.

Abdul Moqsith Ghazali. 2012.  
HukumWarisdalamSuatuKonteks.<http://islamlib.com/?site=1&aid=1693&cat=content&title=klipping> [02 Februari 2012]

DawamRahardjo. 2005. DasasilaKebebasanBeragama.  
<http://islamlib.com/?site=1&aid=110&cat=content&cid=9&title=dasasila-kebebasan-beragama>.[25 November 2005]